



**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I SESI AKADEMIK 2010-2011
IJAZAH SARJANAMUDA DENGAN KEPUJIAN**

OKTOBER/NOVEMBER 2010

MASA : 1 JAM 30 MINIT

KOD KURSUS : ZZZT3133

TAJUK KURSUS : FALSAFAH ALAM SEKITAR

- ARAHAN :**
1. Kertas ini mempunyai Bahagian A dan B.
 2. Jawab SEMUA soalan di BAHAGIAN A dalam kertas soalan.
 3. Jawab SATU soalan sahaja di BAHAGIAN B dalam buku jawapan yang diedarkan.
 4. Jumlah markah keseluruhan kertas ini 50 markah.
 5. Kertas soalan tidak dibenarkan dibawa keluar dari Dewan Peperiksaan.

No. Pendaftaran

--	--	--	--	--	--	--

(dengan perkataan)

Kertas soalan ini mengandungi 4 muka surat bercetak, tidak termasuk muka surat ini.



MS ISO 9001 REG NO. AR 2845

BAHAGIAN A (30 MARKAH)

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.

1. Nyatakan SATU sifat Gaia. (2 markah)

2. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘sikap terhadap pencemaran alam sekitar’? (3 markah)

3. Apakah maksud *Sanatana Dharma*? (2 markah)

4. Nyatakan DUA impak ke atas fungsi ekosistem akibat kehilangan biodiversiti. (2 markah)

5. Nyatakan TIGA kesan kemerosotan kualiti alam sekitar kepada ekonomi. (3 markah)

6. Nyatakan DUA matlamat teknologi daripada perspektif alam sekitar. (2 markah)

7. Apakah yang dimaksudkan dengan prinsip Pembangunan Berterusan ‘menggalakkan semula pertumbuhan ekonomi’? (3 markah)

8. Nyatakan TIGA perbezaan Konsep Pembangunan Ekonomi Berterusan (KPEB) dengan Konsep Pembangunan Ekonomi Konvensional. (3 markah)

9. Apakah yang anda faham tentang ‘gerakan hijau’? (2 markah)

10. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘prosedur Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) sebagai alat membuat keputusan’?

(2 markah)

11. Nyatakan DUA peranan yang boleh dimainkan oleh pertubuhan bukan kerajaan dalam merealisasikan pendidikan alam sekitar.

(2 markah)

12. Nyatakan DUA kesan bahan pencemar ozon kepada alam sekitar.

(2 markah)

13. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘etika kepenggunaan’?

(2 markah)

BAHAGIAN B (20 MARKAH)

ARAHAN: Jawab SATU soalan sahaja.

1. Bincangkan bagaimanakah alam sekitar sepatutnya diuruskan menurut (20 markah) aliran pemikiran etika alam sekitar Ekofeminisme.
2. Bincangkan bagaimanakah alam sekitar sepatutnya diuruskan menurut (20 markah) aliran pemikiran etika alam sekitar Ekologi Dalam.
3. Bincangkan bagaimanakah alam sekitar sepatutnya diuruskan menurut (20 markah) aliran pemikiran etika alam sekitar Ekososialisme.

'SELAMAT MAJU JAYA'